

Polis Argentina rampas 400kg kokain di kedutaan Rusia

24 Februari 2018

Polis Argentina rampas 400kg kokain di kedutaan Rusia

BUENOS AIRES - Polis merampas hampir 400 kilogram (kg) kokain di kawasan pejabat kedutaan Rusia di sini susulan penahanan beberapa anggota kumpulan pengedar dadah, kata Menteri Keselamatan Argentina kelmarin.

Menteri itu, Patricia Bullrich berkata, dadah tersebut ditemui di kawasan ruang tambahan di kedutaan berkenaan dengan hasil rampasan dipercayai bernilai kira-kira AS\$62 juta (RM242 juta) di pasaran gelap.

"Sekumpulan penjenayah narkotik dipercayai cuba menggunakan perkhidmatan kurier

diplomatik kedutaan Rusia itu untuk menghantar dadah berkenaan ke Eropah," katanya pada sidang akhbar.

Beliau memberitahu, polis Rusia dan Argentina telah membuat keputusan untuk meningkatkan pengawasan selepas duta Rusia pernah membuat laporan mengenai penemuan dadah pada Disember 2016.

"Kokain itu telah ditandakan dengan tepung, manakala alat pemantauan telah ditempatkan untuk memantau penghantaran 16 beg yang mengandungi dadah," kata Bullrich.

Beliau berkata, operasi penyamaran yang dilakukan telah

membawa kepada penahanan lima suspek iaitu dua daripadanya di Argentina dan bakiya di Rusia.

Dadah berkenaan yang berkualiti tinggi dikatakan berkemungkinan mahu dihantar ke Rusia dan juga Jerman.

"Kami yakin bahawa polis Jerman akan menahan beberapa buruan lain," katanya.

Salah seorang daripada dua orang yang ditahan di Argentina merupakan seorang anggota polis di sini.

Pasukan penyiasat yakin bahawa kokain itu berkemungkinan berasal dari Colombia atau Peru. - AFP



REUTERS
SEBAHAGIAN kokain yang ditemui dalam bangunan kedutaan Rusia di Buenos Aires, Argentina kelmarin.